

Harga tinggi elak penyeludupan

Um - 6/5/2005: 3

KUALA LUMPUR 5 Mei — Penyeludupan diesel keluar dari Malaysia akan terhenti sekiranya harganya sama dengan harga di negara-negara jiran, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

“Jika anda mahu hentikan penyeludupan, anda harus menetapkan harga petrol pada harga yang setara dengan jiran-jiran anda.

“Saya rasa kita semua tahu

harga minyak telah naik berganda daripada AS\$28 setong kepada AS\$55 setong... sudah pastinya ia akan membawa kesan kepada harga produk,” katanya sebagai mempertahankan keputusan kerajaan menaikkan harga diesel dan petrol.

Kerajaan semalam mengumumkan kenaikan harga petrol dan diesel memandangkan bebanan kewangan besar yang terpaksa ditanggungnya de-

ngan subsidi tinggi bahan bakar ekoran kenaikan harga minyak mentah.

Dr. Mahathir berkata: “Kalau anda pergi ke England, anda akan mendapati harga petrol bersamaan dengan RM7 (seliter). Oleh itu harga di sini malahan lebih murah berbanding harga di Indonesia.”

Berikutan pengumuman semalam, petrol premium di Malaysia kini dijual pada harga RM1.52 seliter manakala petrol biasa pada RM1.48.

Beliau mengaitkan aktiviti penyeludupan yang berleluasa di Malaysia dengan harga minyak yang tinggi di merata tempat termasuk negara-negara jiran serta di AS, England dan Jepun.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran buku bertajuk *'Into The Ice,'* yang ditulis oleh Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, pada satu majlis anjuran Peniaga-wati

atau Persatuan Wanita Bumi-putra dalam Perniagaan dan Kerjaya, di sini, hari ini.

Sharifah Mazlina, yang mengetuai Biro Sukan dan Rekreasi Peniaga-wati menjadi wanita pertama Asia yang menyeberangi Antartika dalam ekspedisi pelayaran ski solonya pada Disember 2004.

Sementara itu mengenai kekurangan diesel, Dr. Mahathir berkata ia disebabkan oleh diesel yang diperuntukkan

bagi penggunaan awam telah dijual kepada industri pada keuntungan yang tinggi oleh pengendali stesen minyak. “Mereka mengambil petrol yang diperuntukkan kepada pemilik kereta untuk dijual kepada industri,” katanya.

Beliau mencadangkan kerajaan memeriksa industri-industri sama ada mereka membeli jumlah petrol dan diesel yang sama daripada sumber yang biasa atau tidak. — Bernama



DR. MAHATHIR MOHAMAD